

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

TARIKH 5 BULAN 06 TAHUN 2024



PENYU BELIMBING

Panjang cengkerang (dewasa): 150 - 180 cm
Berat badan (dewasa): 300 - 600 kg
Warna: Hitam dengan tompok-tompok putih atau kelabu
Makanan: Kebanyakannya ubur-ubur

PENYU KARAH/ PENYU SISIK

Panjang cengkerang (dewasa): 70 - 90 cm
Berat badan (dewasa): 30-70 kg
Warna: Kombinasi kuning, coklat dan coklat tua
Makanan: Kebanyakannya span

Jenis Penyu di Malaysia

PENYU AGAR/PULAU

Panjang cengkerang (dewasa) : 90 - 100 cm
Berat badan (dewasa) : 110 - 180 kg
Warna: Kombinasi hijau zaitun dan coklat atau hitam
Makanan: Kebanyakannya rumput laut dan rumpai laut, kadangkala ubur-ubur

PENYU LIPAS

Panjang cengkerang (dewasa): 50 - 70 cm
Berat badan (dewasa): 30 - 50 kg
Warna: Coklat zaitun
Makanan: Ketam, udang, siput, ubur-ubur, ikan, rumput laut

di Malaysia yang masih rendah sekitar lima peratus berbanding standard antarabangsa. Dengan keluasan wilayah maritim Malaysia, ini adalah masa terbaik semua pihak membantu usaha kerajaan dan penyelidik menyelamatkan

penyu dengan menampung kekurangan usaha pemuliharaan di lautan. Sebagai negara maritim yang berpotensi dalam pembangunan ekonomi biru, kita boleh mengajak syarikat cari gali minyak untuk meningkatkan sumbangan

bagi memastikan kelestarian laut Malaysia. Bantuan entiti korporat diperlukan kerana usaha meningkatkan MPA memerlukan kos yang tinggi melibatkan kajian atau penyelidikan berterusan dan kita mahukan komitmen lima

sehingga 15 tahun bagi tujuan itu. Aktiviti seperti pembersihan pantai sahaja tidak cukup sebaliknya syarikat-syarikat besar perlu membantu menaik taraf fasiliti penyelidikan dan pantai pendaratan penyu sekali gus

menjadikan biodiversiti marin sebagai keutamaan. Bukan mahu menempelak sebaliknya saya ingin mengajak semua pihak bersatu memainkan peranan yang sebelum ini dianggap perlu digalas oleh Jabatan Perikanan sahaja.

Apakah usaha SEATRU bagi meningkatkan usaha konservasi dan pemuliharaan penyu di Terengganu?

SEATRU memfokuskan kepada tiga aktiviti utama iaitu pengurusan konservasi penyu, penyelidikan saintifik dan pendidikan awam.

Pada 1993, Stesen Penyelidikan Alami Penyu (SPAP) ditubuhkan dan aktiviti konservasi dimulakan di Pantai Chagar Hutang, Pulau Redang sepanjang 350 meter terletak di bahagian paling utara pulau itu.

Pantai ini menerima pendaratan penyu spesies agar serta spesies karah sepanjang tahun dan dilengkapi fasiliti asas seperti kuarters petugas, sukarelawan dan galeri penyelidikan.

SPAP beroperasi sepanjang tahun melalui pengawasan dua orang renjer yang dilantik dalam kalangan penduduk Pulau Redang.

Ketika musim tengkujuh,



UNIT Penyelidikan Penyu (SEATRU) berperanan menyokong Jabatan Perikanan Malaysia, yang bertanggungjawab dalam pemeliharaan penyu untuk mencapai objektif Pelan Tindakan Kebangsaan untuk Pemuliharaan dan Pengurusan Penyu Malaysia. - SEATRU UMT

SPAP beroperasi secara minimum bagi meneruskan aktiviti pemantauan persarangan penyu dan pengawasan keselamatan aset tanpa kemasukan penyelidik mahupun orang

awam.

Sejak 1998, lebih 4,500 peserta menyertai program sukarelawan berbayar diperkenalkan SEATRU untuk menampung kos operasi SPAP bagi tujuan penandaan

persarangan penyu dan penyelidikan.

SPAP juga membuka peluang melalui pemberian permit lawatan harian secara percuma kepada pelancong di Pulau Redang untuk

melawat Pantai Chagar Hutang dan belajar ilmu asas berkaitan penyu serta aktiviti penyelidikan di SPAP.

Selain itu, kami berhasrat menjadikan Pantai Chagar Hutang sebagai Pusat Sains Penyu Negara yang boleh menempatkan galeri, ruang pameran atau kelas di luar bilik darjah tetapi kami tidak mampu bergerak sendiri.

Berapa jumlah sarang penyu yang direkodkan di Pantai Chagar Hutang setiap tahun?

Bermula 2019, jumlah sarang penyu di pantai pendaratan di Pantai Chagar Hutang menunjukkan peningkatan setiap tahun iaitu 1,523 kepada 1,731 pada 2020, 1,825 (2021) dan 2,180 (2022) sebelum sedikit menurun pada 2023 iaitu sebanyak 1,944 sarang.

Daripada jumlah sarang itu, kejayaan penetasan telur menunjukkan hampir 70 peratus membabitkan 1,594 ekor ibu penyu.